

# TN50 beri peluang wanita salur aspirasi



[FOTO HIASAN]

**Hari wanita dianjurkan bagi memberi penghargaan** ke atas sumbangan yang diberikan golongan hawa.



Antara aspirasi wanita ialah supaya lebih ramai menceburい  
bidang didominasi lelaki, tiada keganasan dalam rumah tangga  
dan persekitaran kondusif bagi golongan ibu berkerjaya”

**Rohani Abdul Karim,**  
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

**Kuala Lumpur:** Sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2017 buat juling kali menghimpulkan acara besar dalam satu majlis, termasuk menganjurkan Global Women's Trade Summit dan sesi Dialog Perdana bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak (TN50) yang akan diadakan di Berjaya Times Square, pada 4 September ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata acara berkenaan diadakan serentak supaya momenntum penghayatan dan penghargaan sumbangan wanita dapat dilakukan dalam perhimpunan berkenaan secara lebih positif.

Katanya, wanita seharusnya bersama-sama menyertai setiap acara disediakan, termasuk Global Women's Trade Summit yang menjadi platform tepat menggalakkan wanita Malaysia melangkah jauh pada peringkat global, kerana ia akan membentangkan panduan dalam dunia ekonomi dan perdagangan yang serba mencabar.

## Perkasa golongan wanita

“Hari Wanita Kebangsaan 2017 akan dirasmikan Perdana Menteri dan acara yang diadakan bertepatan dengan tema Wanita: Pengubah Ekonomi Global, sejarah dengan peranan golongan itu dalam bidang ekonomi.

“Antara insan ternama terbabit dalam sesi berkenaan ialah Pengasas Goget, Franchesia Chia yang akan berkongsi pengalaman dalam bidang perdagangan,” katanya.

Rohani berkata, pada Sesi Dialog TN50, wanita seharusnya menyuarakan aspirasi mereka untuk di-

dengari Perdana Menteri, berikut aspirasi berkenaan akan menjadi panduan kerajaan dalam melaksanakan sesuatu, termasuk membentuk dasar, undang-undang dan sebagainya.

“Dalam TN50 bersama Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, baru-baru ini, antara aspirasi wanita ialah supaya lebih ramai menceburい bidang di dominasi lelaki, tiada keganasan dalam rumah tangga dan persekitaran kondusif bagi golongan ibu berkerjaya.

“Justeru, saya berharap sesi berkenaan bersama Perdana Menteri akan lebih rancak dengan pelbagai aspirasi lagi,” katanya.

Menyemarakkan sambutan itu nanti, Rohani berkata pelbagai aktiviti, termasuk rawatan spa kesihatan percuma dengan kerjasama Yoyoy Kamphora Spa dan D'Aura Spa turut diadakan.

“Bukan setakat itu, pejabat Pembangunan Wanita Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya mendapatkan kerjasama daripada pakar terapi spa bergerak menawarkan perkhidmatan urutan badan secara percuma kepada wanita,” katanya.

Sambutan Hari Wanita Kebangsaan turut disemarakkan dengan pembukaan laluan khas buat wanita di kementerian dan agensi kerajaan berkaitan sehingga 8 September.

“Selain pada peringkat kementerian antara agensi bersetuju mengadakan kaunter laluan khas untuk wanita adalah Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Kesihatan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Kastam dan Jabatan Pengangkutan Jalan,” katanya.